

**STRATEGI PELAKSANAAN**  
**PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT**  
**PEMBELAJARAN (FASA 1)**

**NAMA PUSAT** : READING ROOM

**FUNGSI** : BAHASA

**TAJUK** : KERETA MALAYSIA

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	BM 1.4	Berinteraksi menggunakan ayat mudah
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	BM 1.4.4	Berinteraksi menggunakan ayat mudah mengikut situasi
		FK 1.1.3	Menggunakan kemahiran motor halus melalui aktiviti yang melibatkan alatan
		KM 3.4.2	Menyenaraikan kebanggaan negara.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Memahami fungsi kereta
		<b>T</b>	Gunting dan smart tv
		<b>R</b>	Keselamatan dan kerjasama
		<b>E</b>	Mengenal pasti bentuk dan jenis kereta
		<b>A</b>	Menghasilkan <i>mobile</i> kereta
		<b>M</b>	Mengira bilangan roda kereta
4	<b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN</b>	Kanak-kanak dapat menyebut nama model kereta jenama Proton.	
5	<b>BBM</b>	Slide gambar (power point) / kad bergambar besar pelbagai model kereta proton berserta nama model kereta, gambar lima jenis model kereta jenama Proton, 1 helai kertas edaran yang mengandungi nama dan model kereta proton, manila kad, gunting, gam dan penyangkut baju bulat bersepit.	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Menghargai bakat sendiri, berani, yakin, dan sabar.	

7

## **STRATEGI PELAKSANAAN**

1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.
2. Guru menayangkan slide kad gambar model kereta sambil bersoaljawab dengan kanak-kanak.  
Guru : Ini kereta apa?  
Guru : Apakah yang perlu kita buat sebelum menaiki kenderaan?  
Guru : Berapakah jenis model proton yang kamu lihat tadi?  
Guru : Apakah warna kereta yang kamu lihat tadi.
3. Kanak-kanak menjawab soalan mengenai kereta proton dan guru mencatat menggunakan peta minda.
4. Guru memanggil seorang wakil kumpulan untuk mengambil bahan-bahan yang akan digunakan untuk aktiviti.
5. Kanak-kanak menggunting gambar kereta dan menampalkannya di kad.
6. Kanak-kanak menampal nama kereta di belakang kad.
7. Kanak-kanak menyebut nama kereta yang mereka gantung dan menceritakan hasil kerja mereka di hadapan kelas.
8. Kanak-kanak menggantung model kereta di dalam kelas.

### **Nota:**

guru boleh menyediakan pelbagai BBM berdasarkan kreativiti guru serta minat kanak-kanak